



Tema "Al-Quran Membentuk Sahsiah Mulia" tepat dengan cabaran semasa – MB Kelantan

Penganjur Makar Fest XL
langgar syarat, kerajaan negeri
bertindak tegas

LTSIP Fasa 2 hampir siap,
pemindahan operasi dilaksana
secara berperingkat

Kelantan-Universiti Ez-Zitouna
meterai MoU pendidikan Islam

Projek Pembangunan Landskap Perbandaran Kota Bharu capai kemajuan 42 peratus

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 4 Februari – Projek Pembangunan Landskap Perbandaran Kota Bharu kini mencapai kemajuan sebanyak 42 peratus, selaras dengan perancangan pelaksanaan yang ditetapkan sejak dimulakan pada 4 Jun 2025.

Sehubungan itu, Tengku Mahkota Kelantan Yang Teramat Mulia Tengku Muhammad Fakhry Petra Ibnu Almarhum Sultan Ismail Petra berkenan mencemar duli berangkat melawat ke Tapak Projek Pembangunan Landskap Perbandaran Kota Bharu bagi meninjau secara dekat perkembangan semasa kerja-kerja di lapangan pada Isnin, 26 Januari.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI), Dato' Zulkifle Abdul Rahman memaklumkan bahawa projek berkenaan melibatkan 34 lokasi dan dijangka siap sepenuhnya pada Februari 2027.

"Projek ini bermula pada 4 Jun 2025 dan insya-Allah dijangka siap pada Februari 2027. Setakat ini, kemajuan keseluruhan telah mencapai 42 peratus," katanya ketika dihubungi, hari ini.



Turut mengiringi YTM Tengku Mahkota Kelantan ialah Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Landskap Negara (JLN), Dr. Mazifah Simis, yang memberi sembah taklimat mengenai skop, konsep serta pencapaian semasa projek landskap berkenaan.

Tiga kawasan utama terlibat dalam sesi lawatan tersebut iaitu kawasan Padang Merdeka, Bulatan Medan Tuan Padang serta beberapa zon Lorong Belakang yang sedang dinaik taraf sebagai sebahagian daripada transformasi landskap bandar.

Sepanjang lawatan, YTM Tengku Mahkota Kelantan turut

disembah maklum berkenaan matlamat pelaksanaan projek yang menekankan penyediaan ruang hijau berkualiti, persekitaran awam yang selesa dan selamat, di samping penerapan elemen landskap beridentiti tempatan yang mencerminkan citra Kota Bharu sebagai bandar raya Islam.

Sementara itu, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah merakam sembah junjung kasih atas ampuni perkenan YTM Tengku Mahkota Kelantan berangkat meninjau tapak projek berkenaan.

Menurutnya, lawatan terse-

“Projek Pembangunan Landskap Perbandaran Kota Bharu dilihat sebagai antara inisiatif strategik bagi menaik taraf imej bandar, memperkukuh fungsi ruang awam serta menyokong aspirasi pembangunan bandar yang lestari dan sejahtera,”

but diadakan selepas waktu kerja pembinaan bagi memastikan tiada gangguan terhadap operasi di tapak binaan.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada JLN atas inisiatif yang menyokong agenda kelestarian bandar serta peningkatan kualiti alam sekitar demi kesejahteraan rakyat.

“Projek Pembangunan Landskap Perbandaran Kota Bharu dilihat sebagai antara inisiatif strategik bagi menaik taraf imej bandar, memperkukuh fungsi ruang awam serta menyokong aspirasi pembangunan bandar yang lestari dan sejahtera,” ujarnya.



Tema “Al-Quran Membentuk Sahsiah Mulia” tepat dengan cabaran semasa – MB Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 4 Februari – Menteri Besar Kelantan, YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud mengifatkan tema penganjuran Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Kelantan (MTQHK) 2026, iaitu “Al-Quran Membentuk Sahsiah Mulia”, amat bertepatan dengan realiti semasa masyarakat yang kini berdepan pelbagai cabaran sosial dan krisis nilai yang semakin meruncing.

Menurutnya, ummah hari ini sedang berhadapan dengan keruntuhan moral, kekeliruan identiti, krisis akhlak serta kehilangan pedoman hidup yang semakin ketara dalam masyarakat.

“Dalam suasana mencabar ini, Al-Quran tidak seharusnya difahami sekadar sebagai kitab bacaan, sebaliknya berperanan membentuk jiwa, membina akhlak dan memandu seluruh aspek kehidupan manusia.

“Pelbagai isu sosial yang membimbangkan kini menjadi bualan masyarakat, antaranya jenayah dadah, kecurian, jenayah seksual termasuk rogol serta pelbagai bentuk jenayah baharu yang semakin kompleks dan sukar ditangani.”



Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Kelantan 1447H /2026M, di Dewan Utama Tengku Kaya Pahlawan, Kompleks Islam Jubli Perak, Panji malam tadi.

Beliau turut menegaskan bahawa jenayah pada masa kini tidak lagi mengenal sempadan usia dan dilakukan secara terbuka tanpa rasa bersalah.

“Lebih membimbangkan, golongan anak muda kini berhadapan dengan serangan pemikiran yang mengajak kepada kebebasan tanpa batas, menolak nilai agama dan menganggap Islam sebagai satu bentuk kongkongan.

“Hakikatnya, Islam bukan untuk mengongkong, tetapi sebagai

panduan hidup agar manusia tunduk dan patuh kepada Allah Azza wa Jalla, Tuhan Yang Maha Mencipta,” tegasnya.

Menurutnya, antara kebimbangan terbesar yang melanda umat Islam hari ini ialah kejahilan terhadap agama, termasuk kegagalan memahami dan menghayati ajaran Islam sehingga mengabaikan ibadah asas seperti solat, yang akhirnya membuka pintu kepada pelbagai kerosakan sosial.

Sehubungan itu katanya, Kerajaan Negeri Kelantan mengambil pendekatan berani dan berpandangan jauh dengan meletakkan tidak memahami agama serta tidak menunaikan solat sebagai indikator jenayah yang perlu diberi perhatian serius.



“Langkah ini bukan bertujuan menghukum semata-mata, sebaliknya untuk menyedarkan masyarakat bahawa kejahilan agama adalah isu pokok yang perlu ditangani secara menyeluruh,” katanya.

Mengulas statistik jenayah yang diumumkan baru-baru ini oleh Ketua Polis Kelantan, beliau berpandangan bahawa pendekatan pencegahan melalui penguatkuasaan semata-mata adalah tidak mencukupi.

“Kita memerlukan pendekatan tarbawi, pendidikan serta pembinaan jiwa berasaskan Al-Quran. Ummah perlu diberi kesedaran untuk kembali kepada penyelesaian Islam sebagai jalan keluar kepada krisis yang sedang melanda,” tegasnya.

Kelantan, Terengganu perkasa agenda pembangunan wanita



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 4 Februari – Kerajaan Negeri Kelantan menerima kunjungan hormat daripada Urus Setia Wanita Terengganu (USWA) yang diketuai oleh Pengarah USWA Tuan Roslina Tuan Sulaiman sebagai usaha memperkasa agenda pembangunan wanita melalui perkongsian pengalaman dan pertukaran pandangan antara

kedua-dua pihak.

Sesi kunjung hormat tersebut telah berlangsung pada 28 Januari bertempat di Mabna, Kompleks Kota Darulnaim.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato’ Rohani Ibrahim berkata, pertemuan itu menjadi ruang bermakna untuk membincangkan beberapa perkara penting berkait pembangunan wan-



ita merangkumi aspek keluarga, sosial dan kemasyarakatan.

Menurutnya, sesi kunjung hormat itu turut diisi dengan pembentangan daripada kedua-dua pihak apabila delegasi Terengganu membentangkan pelaksanaan serta inisiatif program di bawah USWA, manakala pihak Kelantan pula berkongsi pelbagai program yang dilaksanakan menerusi Urus setia

Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa).

“Alhamdulillah, sesi perkongsian ini membuka peluang untuk saling bertukar pengalaman, pandangan dan amalan terbaik dalam memperkasa dasar serta pendekatan pembangunan wanita yang lebih menyeluruh dan berkesan,” katanya menerusi kenyataan di laman rasmi pada Jumaat.

Beliau turut berharap agar pertemuan berkenaan menjadi titik tolak kepada kerjasama berterusan antara Kelantan dan Terengganu, berlandaskan nilai ilmu, hikmah dan maslahat ummah.

Tambahnya, usaha bersama itu diharap mampu memartabatkan wanita sebagai tonggak utama keluarga dan masyarakat, sekali gus menyumbang kepada kesejahteraan ummah secara keseluruhan.

Penganjur Makar Fest XL langgar syarat, kerajaan negeri bertindak tegas

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 4 Februari – Kerajaan Negeri Kelantan mengambil tindakan tegas terhadap penganjur Makar Fest XL susulan pelanggaran syarat lesen dan garis panduan hiburan negeri semasa penganjuran program berkenaan di tapak parkir Mydin Mall Tunjung pada akhir Januari lepas.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah dalam kenyataan media rasminya hari ini memaklumkan bahawa tindakan itu diambil selepas tular satu video berdurasi kira-kira 40 saat yang memaparkan sekumpulan penonton menari dan melompat-lompat semasa persembahan pentas pada konsert penutup program berkenaan, pada malam 31 Januari lalu.

Menurutnya, program berbentuk ekspo jualan dan makanan yang berlangsung selama tiga hari bermula 29 hingga 31 Januari 2026 itu telah memperoleh kelulusan hiburan daripada Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) di bawah Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Kelantan) 2025, tertakluk kepada pematuan sepenuhnya Garis Panduan Hiburan dan Sukan Negeri Kelantan 2025.

“Hasil pemantauan sepanjang festival berlangsung, semua artis jemputan didapati mematuhi enakmen dan garis panduan yang ditetapkan. Namun, pelanggaran syarat telah berlaku sama-



sa persembahan Kugiran Masdo pada konsert penutup sekitar pukul 10.30 malam,” katanya menerusi kenyataan rasmi, pada Selasa.

Beliau menjelaskan, walaupun pihak penguat kuasa dan kru keselamatan telah mengambil tindakan mengeluarkan beberapa individu yang melakukan provokasi serta melanggar garis panduan hiburan, keadaan tidak dapat dikawal sepenuhnya dan insiden berulang. Penganjur juga didapati gagal menghentikan persembahan bagi meredakan situasi, selain berlaku percampuran pengunjung lelaki dan wanita akibat kehadiran penonton di luar jangkaan serta kekurangan petugas keselamatan.

Sehubungan itu, selepas meneliti laporan bertulis Pengarah Bahagian Perlesenan dan Kawalan Perniagaan serta bukti rakaman video yang tular, Pegawai Pelesenan mendapati penganjur telah melakukan kesalahan di bawah

Seksyen 13(1) Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Kelantan) 2025. Justeru, wang cagaran penganjur berjumlah RM8,000 telah dirampas dan penganjur turut berdepan penalti maksimum sehingga RM30,000 serta berisiko disenaraihitamkan sekiranya gagal menjelaskan kompaun yang dikenakan.

YB Hilmi menegaskan bahawa Kerajaan Negeri memahami keperluan rakyat untuk berhibur dan menyokong penganjuran festival makanan yang mampu menjana pendapatan peniaga kecil serta mempromosikan Kelantan sebagai destinasi pelancongan bertemakan “Food, Family, Festival”. Namun, katanya, aspek adab, budaya dan akhlak khususnya dalam kalangan generasi muda akan terus dipelihara secara konsisten.

Sementara itu, penganjur Makar Fest XL tampil memohon maaf secara terbuka berhubung isu yang tular di media sosial berkenaan.

Pengarah Program, Issey Fazlisham berkata, pihaknya telah melaksanakan penganjuran program mengikut garis panduan dan enakmen hiburan yang dikeluarkan oleh MPKB-BRI.

Menurutnya, pihak penganjur turut menayangkan video peringatan etika penonton sebelum acara pentas bermula, selain memberikan peringatan berulang kali kepada pengunjung agar menjaga adab, tidak berjoget, mematuhi pengasingan lelaki dan wanita serta mengekalkan ketertiban sepanjang program berlangsung.

“Saya sebagai pengacara sentiasa mengingatkan penonton supaya mematuhi garis panduan yang ditetapkan. Namun, terdapat segelintir individu yang berada di luar kawalan pihak penganjur dan melakukan pergerakan yang tidak selaras dengan peraturan,” katanya menerusi rakaman video yang dimuat naik di TikTok, hari ini.

Beliau turut memaklumkan bahawa kru keselamatan dan pasukan Makar Fest XL telah bertindak segera sebaik situasi dikesan, namun kehadiran penonton yang melebihi jangkaan pada malam tersebut menjadikan kawalan lebih mencabar di beberapa kawasan tertentu.

Tambahnya, penganjur menghormati tindakan pihak berkuasa dan akan mengambil penambahbaikan bagi memastikan pematuan lebih ketat terhadap semua peraturan dan garis panduan sekiranya program seumpama itu dianjurkan pada masa hadapan.



LTSIP Fasa 2 hampir siap, pemindahan operasi dilaksana secara berperingkat



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 4 Februari - Projek naik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) Fasa 2 hampir siap sepenuhnya dan dijangka mula beroperasi tidak lama lagi dengan proses pemindahan operasi kemudahan dari Fasa 1 dilaksanakan secara berperingkat.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Dr Izani Husin memaklumkan bahawa pihaknya berpuas hati dan berterima kasih kepada pihak Kementerian Pengangkutan, Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB) dan pasukan pengurusan LTSIP.

Katanya, operasi tidak melibatkan perpindahan menyeluruh kerana sebahagian kemudahan di Fasa 1 masih digunakan sepanjang tempoh peralihan tersebut.



“Buat masa ini, operasi sedang dipindahkan secara berperingkat ke Fasa 2. Ia bukan perpindahan sepenuhnya dan pembukaan rasmi akan dimaklumkan kemudian,” katanya ketika di hubungi, hari ini.

Menurutnya, kemudahan terminal baharu itu dijangka boleh digunakan oleh penumpang menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini sebagaimana yang diumumkan juga oleh YB Menteri Pengangkutan, manakala majlis perasmian pembukaan pula dirancang sekitar April.

Beliau turut memaklumkan bahawa pemeriksaan peralatan keselamatan akan dilaksanakan bagi memastikan semua sistem berada dalam keadaan siap dan selamat sebelum operasi penuh dimulakan.

Dalam usaha mengurangkan kesesakan di kawasan lapangan terbang, LTSIP Fasa 2 direka dengan konsep pengasingan perkhidmatan di lokasi berbeza.

“Terminal baharu ini mempunyai 11 pintu pelepasan untuk penerbangan domestik dan penerbangan antarabangsa. Penerbangan antarabangsa akan menggunakan pintu 1 dan 2” jelasnya.

Selain itu, kawasan parkir kenderaan penumpang, parkir bas, kawasan menurunkan penumpang e-hailing serta parkir teksi turut diasingkan bagi melancarkan pergerakan trafik di sekitar lapangan terbang.

Mengulas kemudahan parkir, Dato' Dr Izani berkata, bangunan parkir kereta bertingkat disediakan dengan kapasiti sehingga 1,300 lot

“


Keunikan parkir di LTSIP Fasa 2 ialah setiap aras dihiasi lukisan bercirikan identiti Kelantan seperti keris, rebana dan wau bagi memudahkan pengguna mengenal pasti aras parkir,”

berbanding hanya 350 lot sebelum ini, selain 150 lot parkir motosikal.

“Keunikan parkir di LTSIP Fasa 2 ialah setiap aras dihiasi lukisan bercirikan identiti Kelantan seperti keris, rebana dan wau bagi memudahkan pengguna mengenal pasti aras parkir,” jelasnya.

Tambahnya, kemudahan surau turut disediakan di kawasan parkir kereta di aras satu dan dua, selain empat lagi set surau di terminal baharu termasuk di kawasan berlepas, ketibaan dan kawasan awam.

Reka bentuk terminal baharu turut menampilkan elemen seni bina tradisional Kelantan dengan dinding berhias konsep istana lama, inspirasi pintu gerbang Istana Balai Besar serta kombinasi elemen islamik dari timur tengah.



KFLB: Kelantan komited lahirkan graduan berteraskan nilai dan integriti -YB Zamakhshari

Oleh: Asri Hamat

BACHOK, 1 Februari – Kerajaan Negeri Kelantan menegaskan komitmennya untuk melahirkan graduan yang cemerlang dari sudut akademik serta memiliki kekuatan jiwa, nilai dan integriti sebagai teras kepimpinan masa depan negeri.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad berkata demikian pada majlis penutup Kelantan Future Leaders Bootcamp 2026 di Sudara Beach Resort, di sini, Sabtu.

Menurutnya, pendekatan itu dizahirkan menerusi penganjuran Kelantan Future Leaders Bootcamp, yang dirangka khusus bagi membentuk kepimpinan holistik dalam kalangan belia.

“Kecemerlangan ilmu tanpa nilai dan akhlak hanya akan melahirkan generasi yang rapuh dalam membuat keputusan dan gagal memikul amanah.

“Kerajaan Negeri tidak mahu melahirkan graduan yang hebat di atas kertas, tetapi kosong dari segi



jiwa dan nilai. Kita mahu pemimpin yang berilmu, berakhlak dan bersedia berkhidmat kepada masyarakat serta negeri,” tegasnya.

Mengulas lanjut, Zamakhshari menegaskan konsep kepimpinan Qawiyu al-Amin menjadi teras program berkenaan, merangkumi kekuatan kompetensi, integriti, amanah serta keutamaan kepada kepentingan negeri dan negara.

“Pemimpin mesti berani membuat keputusan dan bersedia menanggung risiko. Namun keberanian itu perlu berlandaskan ilmu, fakta serta prinsip yang betul,” jelasnya.

Beliau turut menekankan kepentingan keyakinan diri dan

semangat kerja berpasukan dalam kepimpinan.

“Tiada pemimpin yang sempurna secara individu. Kepimpinan yang berkesan lahir daripada gabungan kekuatan pasukan yang saling melengkapi,” katanya.

Menurutnya, Kerajaan Negeri Kelantan meletakkan harapan tinggi agar peserta program berkenaan tampil sebagai pemimpin masa depan dalam pelbagai sektor termasuk pentadbiran, korporat, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan bidang profesional lain.

“Kepimpinan tidak terhad dalam politik semata-mata. Setiap sektor memerlukan pemimpin yang berwibawa dan berprinsip,” katan-



ya.

Sebanyak 146 peserta terlibat dalam edisi kali ini, merangkumi latar belakang pendidikan yang pelbagai, sekali gus mencerminkan keseimbangan dan keterangkuman dalam pembinaan kepimpinan negeri.

Daripada jumlah tersebut, 40 peserta terdiri daripada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan, 31 dari Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), 29 dari sekolah berasrama penuh, 22 dari sekolah YIK, 19 dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), tiga dari sekolah swasta dan dua dari Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).


LRA Bukit Chupak beroperasi, 4,965 akaun pengguna terima bekalan air terawat



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 3 Februari - Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Chupak di Gua Musang telah mula beroperasi pada 1 Februari lalu, sekali gus menyalurkan bekalan air terawat ke setiap rumah melibatkan 4,965 akaun pengguna di sekitar bandar Gua Musang.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Dr Izani Husin berkata, projek bernilai lebih RM50 juta



itu kini berfungsi dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 10 Juta Liter Sehari (10 JLH).

Menurutnya, sejak tarikh operasi bermula, bekalan air terawat telah disalurkan dan memasuki paip air kediaman penduduk membabitkan 2,020 akaun di Bandar Baru Gua Musang, 1,488 akaun di Bandar Lama, 623 akaun di Taman Wangsa Mewangi serta 834 akaun di lokasi lain.

“Sebanyak 4,965 akaun penggu-

na air hari ini saya katakan selesai menerima bekalan daripada LRA Bukit Chupak. Kapasiti loji ini bukan sekadar terhad kepada angka tersebut, bahkan berupaya menampung keperluan yang lebih besar,” katanya menerusi media sosial, hari ini.

Tambah Dato' Dr Izani, kualiti air terawat yang dihasilkan juga berada pada tahap sangat baik dengan bacaan 0.026 Unit Kekeruhan Nephelometrik (NTU), sekali gus mem-

buktikan tahap kebersihan air yang dibekalkan kepada pengguna.

“Ini menjadi indikator bahawa air yang dibekalkan adalah sangat bersih dan pengguna tidak perlu ragu lagi. Kuantiti air yang besar digandingkan dengan kualiti yang sangat baik. Ini membuktikan komitmen kerajaan negeri untuk membekalkan air bersih yang berkualiti kepada rakyat,” jelasnya.

Terdahulu, Dato' Dr Izani mengadakan lawat kerja ke LRA Bukit Chupak, Gua Musang, hari ini.

Untuk rekod, pembinaan LRA Bukit Chupak yang bermula pada tahun 2024 dibiayai melalui peruntukan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

Projek berkenaan dijangka memperkukuh bekalan air bersih yang lebih stabil dan mampan kepada penduduk bandar Gua Musang dan kawasan sekitarnya.

Penganjuran majlis tilawah, hafazan platform suburkan penghayatan al-Quran dalam masyarakat

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 4 Februari — Penganjuran Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran secara tahunan oleh Kerajaan Negeri Kelantan menjadi platform penting bagi menyuburkan penghayatan Al-Quran dalam jiwa masyarakat, selain mencungkil bakat baharu dalam kalangan anak negeri.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata penganjuran majlis berkenaan bukan sekadar menilai keindahan bacaan dan kekuatan hafazan, sebaliknya bertujuan melahirkan generasi yang memahami serta menghayati isi kandungan Al-Quran untuk diterjemahkan dalam kehidupan seharian.

Beliau berkata, usaha penganjur menambah baik perjalanan majlis termasuk memperkenalkan slot renungan ayat-ayat Al-Quran amat penting bagi membantu masyarakat menghayati mesej ayat yang dibaca oleh qari dan qariah.

"Pendekatan ini membolehkan ayat Al-Quran yang dibaca dengan bertarannum difahami dan dihayati oleh pendengar, sama ada yang hadir secara fizikal mahupun mengikuti secara maya, seterusnya diamalkan dalam tindakan dan cara hidup mereka."

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Kelantan 1447H/2026M di Dewan Utama Tengku Kaya Pahl-



awan, Kompleks Islam Jubli Perak, Panji, di sini malam tadi.

Sementara itu, Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud pula berkata, penganjuran majlis berkenaan mencerminkan komitmen kerajaan negeri dalam memartabatkan keagungan Al-Quran serta melahirkan generasi pelapis yang menjadikan Al-Quran sebagai panduan hidup.

Menurutnya, Kelantan terus melahirkan qari dan qariah yang cemerlang sehingga ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Kerajaan negeri sentiasa berusaha melahirkan golongan pelapis yang cintakan Al-Quran dan sentiasa berdamping dengannya. Kita berdoa agar lebih ramai pakar dalam bidang tarannum dan hafazan Al-Quran dapat dilahirkan di negeri ini," katanya.

Beliau turut memaklumkan

bahawa penubuhan Pusat Tarannum Al-Quran Negeri Kelantan yang diurusetikan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) bermula 29 Jun 2024, kini disokong lima tenaga pengajar berkaliber termasuk tenaga pengajar antarabangsa, Syeikh Hisham Abdul Bari Mohamad Al-Rajih.

Tenaga pengajar lain ialah Dato' Hajjah Faridah Mat Saman, Ustaz Che Yahya Daud, Ustaz Mohd Husin Yunus dan Ustaz Abdul Bari Abdullah.

"Kita berharap hasil didikan dan tarbiah dari tenaga pengajar yang hebat dan berkaliber di pusat ini mampu melahirkan johan tilawah peringkat kebangsaan dan antarabangsa, seperti kejayaan terakhir Kelantan pada 2023 menerusi Qayyum Nizar Sarimi," katanya.

Untuk rekod, sejak 1961, Kelantan telah melahirkan sebanyak 17 johan qari dan qariah di peringkat

“Kerajaan negeri sentiasa berusaha melahirkan golongan pelapis yang cintakan Al-Quran dan sentiasa berdamping dengannya. Kita berdoa agar lebih ramai pakar dalam bidang tarannum dan hafazan Al-Quran dapat dilahirkan di negeri ini,”

antarabangsa, dengan johan pertama ialah Ustaz Ahmad Ma'som Pergau pada 1961.

Sebanyak 64 peserta mengambil bahagian dalam majlis kali ini, membabitkan 16 peserta tilawah dan 48 peserta hafazan.

Majlis turut dihadiri Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Dato' Kaya Perkasa Dato' Dr Tengku Mohamed Faziharudean Al-Haj Tengku Feissal, Penasihat Undang-Undang Negeri YB Dato' Idham Abdul Ghani, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Timbalan Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta Negeri YB Nik Bahrum Nik Abdullah, Ketua Hakim Syarie Kelantan YAA Dato' Ibrahim Deris, Timbalan Mufti Kelantan YB Sahibul Fadhilah Dato' Bijisura Nik Abdul Kadir Mohamad serta Pengarah JAHEAIK Dr Hasnan Ramli.



PKB sumbang RM23,000 untuk Laman Santai HRPZ II

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 3 Februari - Permodalan Kelantan Berhad (PKB), syarikat anak Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan menyumbang barangan bernilai RM23,000 kepada Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), di sini, bagi kegunaan pelawat di Laman Santai hospital berkenaan.

Sumbangan itu merangkumi sebuah buaian wakaf, empat set kerusi batu dan dua set kerusi berangkai yang bertujuan menyediakan ruang rehat lebih selesa kepada pelawat serta ahli keluarga pesakit.

Ketua Pegawai Eksekutif PKINK Dato' Sr Zamri Ismail, berkata, PKB bukan sahaja menjalankan perniagaan gadaian, bahkan turut menitik berat tanggungjawab sosial terhadap masyarakat.

Menurutnya, sebelum ini PKB pernah menyumbang kerusi untuk kegunaan penumpang di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LT-SIP).

"Hari ini, PKB meneruskan



komitmen itu dengan menyumbang beberapa kemudahan untuk digunakan oleh pelawat di Laman Santai HRPZ II.

"Inisiatif ini adalah salah satu usaha PKB berkongsi dengan pihak hospital bagi menyediakan ruang kepada pelawat dan keluarga pesakit untuk berehat sementara menunggu urusan rawatan selesai.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Laman Santai HRPZ II, tajaan PKB, di Hospital Raja Perempuan Zainab II, hari ini.

Kata beliau lagi, sumbangan berkenaan juga mencerminkan usaha PKB berkongsi keuntungan

dengan masyarakat, selain membantu pihak hospital meningkatkan tahap keselesaan kepada pelawat.

Sementara itu, Pengarah Hrpz II, Dr Izamin Idris merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada PKB atas sumbangan yang disifatkan sangat bermakna.

Katanya, inisiatif itu amat dihargai dalam usaha meningkatkan keselesaan keluarga pesakit dan pelawat, sekali gus mewujudkan persekitaran hospital yang lebih kondusif.

"Sokongan berterusan daripada PKB membuktikan komitmen syarikat dalam membantu institusi seperti hospital untuk memberi persekitaran yang selesa kepada



masyarakat," katanya.

Tambah Dr Izamin, kemudahan yang disumbangkan itu memberi nilai tambah kepada kesejahteraan emosi pelawat kerana ia boleh dimanfaatkan sebagai ruang berehat dan menenangkan fikiran sementara menunggu urusan rawatan ahli keluarga.

Beliau turut menegaskan komitmen HRPZ II untuk menjaga kemudahan yang diterima dengan sebaiknya supaya dapat dimanfaatkan dalam jangka panjang, selain berharap jalinan kerjasama antara HRPZ2 II dan PKB akan terus berkekalan.

Turut hadir, Pengurus Besar PKB Hassan Shukri Hussein.

KPKB laksana projek perintis bawang merah di Gual Ipoh



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 1 Februari - Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) melaksanakan projek perintis tanaman bawang merah di KPKB Agro Farm, Gual Ipoh menerusi Projek Pembangunan Tanah Terbiar dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Exco Pertanian, Industri Agro-makanan dan Komoditi YB Dato'

Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, projek berkenaan menggunakan kaedah fertigasi meja melibatkan 20 stand planting hydroponic (SPH) bagi mengoptimumkan penggunaan tanah terbiar kepada aktiviti pertanian yang lebih produktif.

Menurutnya, inisiatif itu selari dengan agenda keterjaminan makanan negara, khususnya dalam meningkatkan pengeluaran hasil



pertanian tempatan.

"Secara keseluruhan, projek ini berpotensi menjadi model rintis kepada pembangunan tanah terbiar di kawasan lain, sekali gus membuka peluang pendapatan baharu kepada komuniti setempat dan memperkukuh sektor pertanian negeri," katanya di media sosial pada Khamis.

Terdahulu, beliau bersama Ahli Dewan Negeri (ADN) Gua Ipoh,

YB Bahari Mohamad Nor mengadakan lawatan ke projek tanaman bawang merah berkenaan bagi meninjau pelaksanaan serta perkembangan semasa projek tersebut.

Dalam lawatan yang sama, Dato' Tuan Mohd Saripudin turut meninjau projek ternakan Ayam Saga dan Ayam Penelur yang dijalankan di KPKB Agro Farm, Gual Ipoh melalui kerjasama KPKM.

Beliau berkata, projek ternakan itu bertujuan memperkenalkan kaedah penternakan moden yang lebih sistematik, meningkatkan pengeluaran ayam berkualiti tinggi serta menyediakan sumber protein tambahan kepada komuniti setempat.

"Inisiatif ini diharap dapat menjadi model contoh ternakan lestari yang boleh disesuaikan di kawasan lain bagi memperkukuh industri agro negeri Kelantan," jelasnya.

KGT umum penstrukturan harga produk perak, perkenal jongkong perak baharu



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 2 Februari – Kelantan Gold Trade Sdn Bhd (KGT) mengumumkan penstrukturan semula harga serta pengurusan produk perak melibatkan Dirham fizikal, e-Dirham dan pengenalan rangkaian jongkong perak baharu, berkuat kuasa 1 Februari 2026.

Menurut kenyataan media yang dikeluarkan Unit Media dan Komunikasi Strategik KGT, harga Dirham akan diapungkan mengikut harga pasaran harian pada pukul 9.45 pagi dan 5.45 petang.

Paparan harga bagi produk Dir-

ham fizikal dan e-Dirham juga berbeza.

“KGT menggalakkan pelanggan untuk membuat pembelian melalui sistem e-D&D memandangkan harga e-Dirham yang ditawarkan adalah lebih kompetitif berbanding Dirham fizikal.

“Bagi produk Dirham fizikal, KGT menawarkan denominasi satu, dua, lima dan 10 Dirham. Manakala bagi e-Dirham, pembelian boleh dibuat serendah 0.5 Dirham. Walau bagaimanapun, pengeluaran e-Dirham kepada Dirham fizikal hanya dibenarkan bagi jumlah minimum dua Dirham ke atas dan tertakluk kepada ketersediaan stok,” kata kenyataan tersebut pada Ahad.

Tambah kenyataan itu lagi, pengeluaran e-Dirham kepada Dirham fizikal hanya melibatkan denominasi 10 Dirham Belia dan 10 Dirham Wanita. Stok fizikal bagi denominasi lain masih dalam proses penyediaan dan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Dalam pada itu, KGT turut memperkenalkan produk jongkong

perak fizikal sebagai alternatif simpanan dan pelaburan kepada pelanggan.

Produk jongkong perak berkenaan ditawarkan dalam tiga denominasi utama iaitu 100 gram, 500 gram dan satu kilogram, dengan tempoh kesiapan tempahan dianggarkan sekitar dua minggu.

“Harga jongkong perak akan ditentukan mengikut segmen pelanggan dan dikemas kini setiap satu jam bermula pukul 9.15 pagi hingga 5.45 petang, Isnin hingga Sabtu, selaras dengan mekanisme harga produk jongkong emas KGT.

“Kadar pembelian balik yang ditetapkan oleh KGT adalah sebanyak 30 peratus bagi produk Dirham dan 15 peratus bagi produk jongkong perak, tertakluk kepada terma dan syarat semasa syarikat.

“Bagi penukaran Dirham kepada Dinar emas 917 atau emas 999.9, kadar penukaran ditetapkan sebanyak 20 peratus dengan caj perkhidmatan RM10 bagi setiap satu unit Dinar 917 atau satu unit emas 999.9, kecuali penukaran yang dibuat dalam sistem e-D&D,”

kata kenyataan tersebut.

Menurut KGT, langkah penstrukturan, pengenalan produk baharu serta penambahbaikan itu bertujuan memastikan penawaran produk perak kekal telus, adil dan berdaya saing, selain mencerminkan pergerakan sebenar pasaran perak global.

“Inisiatif ini juga dilaksanakan bagi memperkukuh kelestarian operasi syarikat serta memastikan kesinambungan tawaran terbaik kepada pelanggan dalam jangka masa panjang,” jelasnya.

KGT turut menegaskan bahawa semua produk perak yang ditawarkan mengekalkan standard kualiti dan ketulenan yang tinggi, selaras dengan komitmen syarikat terhadap pematuan piawaian logam berharga.

Pelanggan disarankan untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan harga semasa, mekanisme apungan harga dan spesifikasi produk jongkong perak melalui saluran rasmi KGT atau dengan menghubungi khidmat pelanggan syarikat di talian 019-352 1901.

Mahasiswa perlu jadikan Islam sebagai tujuan utama dalam segala gerak kerja - Dato' Wan Roslan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 3 Februari - Mahasiswa diingatkan agar menjadikan Islam sebagai tujuan utama dalam setiap gerak kerja dan penglibatan, selaras dengan peranan mereka sebagai golongan terpelajar yang bakal memimpin masyarakat pada masa hadapan.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, prinsip itu telah lama menjadi tunjang pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan menerusi moto Membangun Bersama Islam sejak diperkenalkan pada 1990.

Beliau berkata, pelaksanaan prinsip berkenaan diterjemahkan melalui pelbagai dasar dan langkah berani yang diambil oleh kerajaan negeri termasuk penutupan premis perjudian serta menghadkan penjualan arak bagi memelihara nilai Islam dan kesejahteraan masyarakat.

“Oleh itu, mahasiswa perlu memperkukuh kefahaman agama dan menolak segala bentuk fahaman atau isme yang menyimpang daripada ajaran Islam,” katanya menerusi media sosial, pada Isnin.

Katanya lagi, kerajaan negeri amat menitik berat pendidikan agama sebagai asas pembinaan sahsiah, di samping menggalakkan penguasaan dalam bidang sains, teknologi serta kemahiran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi melahirkan ummah yang seimbang dan berdaya saing.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru mahasiswa supaya bersikap terbuka dalam menangani isu semasa, sentiasa bergantung kepada Allah SWT dalam setiap tindakan serta berusaha meningkatkan keilmuan sehingga mencapai kejayaan.

“Mahasiswa harus istiqamah dalam menuntut ilmu, beradab ketika berbeza pandangan dan berperanan sebagai agen kebaikan kepada aga-



ma, bangsa dan negara,” katanya.

Dato' Wan Roslan juga mengingatkan kepentingan menjaga kestabilan masyarakat berbilang kaum, sambil memaklumkan kerajaan negeri telah melaksanakan lebih 20 program kebajikan tanpa mengira kaum, antaranya Skim Khairat Kiflaah, Skim It'am dan Skim Gerbang Az-Ziwaaj.

Katanya, pendekatan itu mencerminkan keprihatinan sosial yang menyeluruh demi kesejahteraan rakyat.

Dalam aspek pentadbiran, beliau menegaskan prinsip pengekangan nafsu kuasa sentiasa menjadi pegangan kepimpinan negeri, dengan



rekod menunjukkan sehingga kini tiada pimpinan negeri didakwa atas kes rasuah.

Terdahulu, Dato' Wan Roslan mengadakan pertemuan dengan Persatuan Pelajar Malaysia Tunisia (PERMAT) sempena lawatan kerja ke Tunisia.

Turut menyertai delegasi, Pengerusi PIBG Pusat Pengajian Pondok Yayasan Islam Kelantan yang juga Exco Kerajaan Negeri Kelantan YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, Pengarah Yayasan Kelantan Darulnaim YAK-IN Nik Jessim Tan Sri Nik Hashim serta Pengarah Yayasan Islam Kelantan (YIK), Shamsul Abu Bakar.

Kelantan-Universiti Ez-Zitouna meterai MoU pendidikan Islam

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 3 Februari – Kerajaan Negeri Kelantan mencatat satu langkah penting dalam hubungan pendidikan Islam antara-bangsa apabila memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universiti Ez-Zitouna, Tunis, melibatkan kerjasama pengajian Islam dan pembangunan akademik antara kedua-dua pihak.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, Universiti Ez-Zitouna merupakan antara institusi pengajian Islam tertua dan paling berprestij di dunia yang diasaskan sejak tahun 737 Masihi bermula daripada Masjid al-Zaytuna.

Menurutnya, selama lebih 12 abad universiti berkenaan telah berperanan sebagai pusat keilmuan Islam yang melahirkan ramai ulama dan ilmunan tersohor, khususnya dalam bidang syariah, bahasa Arab dan tamadun Islam.

“Prestij Universiti Ez-Zitouna terserlah apabila ia melahirkan tokoh besar Islam seperti Ibn Khaldun, pemikir dan sejarawan agung yang pemikirannya terus diiktiraf



di peringkat antarabangsa,” katanya di laman rasmi, semalam.

Menurut Dato' Wan Roslan, lawatan tersebut adalah untuk mempelajari pendekatan pendidikan Islam di negara tersebut.

“Dalam usaha memperkukuhkan jaringan pendidikan antarabangsa negeri Kelantan, saya telah mengetuai delegasi rasmi Kerajaan Negeri Kelantan ke Universiti ini,” ujarnya.

Turut hadir, Pengerusi PIBG Pusat Pengajian Pondok Yayasan Islam Kelantan (YIK) YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, Pengarah YIK Shamsul Abu Bakar serta Pengarah Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) Nik Jessim Tan Sri Nik Hashim.

Dalam lawatan itu, delegasi mengadakan pertemuan bersama Rektor Universiti Ez-Zitouna, Profesor Dr Abd Latif Aziz, Timbalan-timbalan Rektor serta barisan pensyarah dan pentadbiran universiti sebelum menyaksikan peme- teraian MoU antara kedua-dua pihak.


Dato' Wan Roslan menjelaskan, MoU berkenaan merupakan kesinambungan kerjasama yang telah dirintis sejak tahun 2017 dan membuka peluang kepada pelajar lepasan sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK) serta anak-anak Kelantan lepasan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) untuk melanjutkan pengajian di Universiti Ez-Zitouna.

“Prestij Universiti Ez-Zitouna terserlah apabila ia melahirkan tokoh besar Islam seperti Ibn Khaldun, pemikir dan sejarawan agung yang pemikirannya terus diiktiraf di peringkat antarabangsa,”

“Peluang pengajian ini melibatkan khususnya Maahad ‘Aliy Lil Hadharah al-Islamiah dan Maahad ‘Aliy Lil ‘Ulum al-Islamiah di Qairawan.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada pihak Universiti Ez-Zitouna atas layanan mesra dan kerjasama yang diberikan sepanjang lawatan, selain menghargai komitmen pengurusan universiti dalam menjayakan hubungan pendidikan bersama Negeri Kelantan.

“Semoga kerjasama strategik ini terus diperkasakan dan diberkati Allah swt demi manfaat ummah seluruhnya selari dengan aspirasi Membangun Bersama Islam,” ujarnya.



Projek naik taraf LRTB Jeli bernilai RM96 juta diluluskan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 2 Februari - Projek menaik taraf Lebuhraya Timur Barat (LRTB) FT4 dari Seksyen 194.4 hingga 244.9 di Jeli yang melibatkan laluan sepanjang 46.5 kilometer (km) diluluskan oleh Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Perkara itu dimaklumkan oleh Exco Kerja Raya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Dr Izani Hussein menerusi media sosial, hari ini.

Beliau berkata, projek bernilai RM96 juta itu merangkumi kerja-kerja penambahbaikan lorong memotong, pembaikan permukaan jalan, pembaikan lubang benam (sinkhole), pemasangan lampu solar serta beberapa komponen keselamatan lain.

"Apabila siap kelak, projek ini dijangka meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya, selain berfungsi sebagai laluan darat utama yang menghubungkan Kelantan dan Perak serta kawasan Timur dan Barat.



"Saya bersama seluruh warga Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Kelantan amat berbesar hati menerima kunjungan YB Menteri," katanya.

Dalam perkembangan sama, Dato' Dr Izani memaklumkan bahawa beliau turut membangkitkan beberapa isu jalan raya kritikal yang memerlukan tindakan segera pihak Menteri bersempena lawatan kerjanya ke Kelantan.

Lawatan kerja itu berlangsung selama dua hari bermula 1 Februari di Jeli, manakala pada hari kedua, 2 Februari, 1 Menteri Kerja Raya dijadual turun padang meninjau tiga lokasi kritikal yang dibangkitkan.

Lawatan itu turut disertai Tim-

balan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) Kementerian Kerja Raya Datuk Dr Khairus Masnan Abdul Khalid serta Ketua Pengarah JKR Malaysia, Datuk Seri Ir Roslan Ismail.

Antara isu yang diketengahkan ialah keadaan jalan lencongan projek Lebuhraya Tengah Utama (LTU) di Gua Musang bagi pakej 3B, 3C dan 3D yang mengalami kerosakan teruk, sekali gus menjejaskan keselesaan pengguna jalan raya dan memerlukan pembaikan segera sebelum cuti Tahun Baharu Cina.

Isu kedua melibatkan kejadian cerun runtuh di FT185 Seksyen 107.600 Jalan Lojing-Gua Musang

yang menyebabkan penutupan laluan utama menghubungkan Kelantan, Pahang dan Perak, sekali gus menjejaskan lebih 1,000 penduduk, perkhidmatan ambulan serta aktiviti ekonomi setempat. Anggaran kos pembaikan dianggarkan sebanyak RM37 juta.

Lokasi ketiga membabitkan keperluan pembinaan jalan lencongan sementara di kawasan cerun runtuh Seksyen 107.6 dan kejadian lubang benam di Seksyen 78.600 Jalan Lojing-Gua Musang, dengan anggaran kos RM3 juta.

"Kita menantikan khabar gembira demi keselamatan pengguna jalan raya dan kebajikan rakyat Kelantan, insya Allah," jelasnya.



Kemajuan ECRL jajaran Kelantan capai 96.67 peratus

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 29 Januari 2026 - Pembinaan jajaran Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sepanjang 43 kilometer di negeri Kelantan telah mencapai tahap kemajuan sebanyak 96.67 peratus sehingga Disember 2025

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Dr Izani Husin berkata Kerajaan Negeri berpuas hati dengan perkembangan semasa projek tersebut.

"Terima kasih saya ucapkan kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia, kerajaan negeri melihat kemajuan yang hampir siap ini sebagai satu petanda jelas bahawa projek ECRL di Kelantan dilaksanakan dengan teratur, tersusun dan mengikut perancangan yang telah ditetapkan," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Dato' Dr Izani turut menegaskan bahawa Kerajaan Negeri akan terus memainkan peranan aktif bagi memastikan projek berkenaan memberi manfaat menyeluruh kepada



rakyat.

"Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa memberi kerjasama penuh kepada Kerajaan Persekutuan dan pihak pelaksana bagi memastikan ECRL bukan sahaja siap mengikut jadual, malah benar-benar memberi impak kepada pembangunan ekonomi, kemudahan mobiliti rakyat serta pembangunan luar bandar," ujarnya.

Beliau berkata demikian susulan Lawatan Menteri Pengangkutan YB Loke Siew Fook ke ECRL Feeder Station 01 dan Stesen ECRL Kota Bharu hari ini bagi meninjau kemajuan pembinaan jajaran ECRL di Kelantan.

Sementara itu, YB Loke Siew Fook memaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan selaku agensi yang mengawal selia projek ECRL juga berpuas hati dengan tahap kemajuan pembinaan jajaran tersebut.

"Pembinaan jajaran ECRL sepanjang 43 kilometer di negeri Kelantan telah mencapai kemajuan sebanyak 96.67 peratus sehingga Disember 2025 dan kini berada pada tahap yang sangat memberangsangkan," katanya pada sidang media selepas lawatan tersebut.

Beliau turut menjelaskan bahawa pembinaan stesen ECRL di Kelantan bukan sahaja memberi keutamaan

kepada fungsi pengangkutan, bahkan turut menitikberatkan elemen identiti tempatan.

"Stesen Kota Bharu di Tunjong direka berteraskan konsep 'Rumah Meleh Melayu' dan elemen 'Bunga Ketam Guri' bagi mengekalkan keunikan seni bina serta warisan budaya Kelantan, di samping menyediakan kemudahan moden dan selesa kepada pengguna," ujarnya.

Selain itu, beliau juga memaklumkan bahawa jajaran ECRL di Kelantan melibatkan pembinaan Stesen Kota Bharu bagi kegunaan penumpang sahaja serta Stesen Pasir Puteh di Cherang Tuli yang akan berfungsi sebagai hab penumpang dan kargo.

Stesen ECRL Kota Bharu dibina di atas kawasan seluas 20.94 hektar dan melibatkan pembinaan platform bertingkat serta dilengkapi pelbagai kemudahan termasuk eskalator, lif, kawasan naik-turun penumpang, lebih 500 lot tempat letak kereta, laluan pejalan kaki berbumbung, landskap serta kuarters pekerja dan krew kereta api.

Tanah Rizab Melayu: Kelantan paling luas - NRES

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 1 Februari – Kelantan terus mengekalkan kedudukan sebagai negeri yang memiliki keluasan Tanah Rizab Melayu (TRM) terbesar di Malaysia apabila mencatatkan jumlah keseluruhan kira-kira 1.36 juta hektar bagi tahun 2024.

Maklumat yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) itu menunjukkan keluasan tersebut meletakkan Kelantan jauh mengatasi negeri lain, termasuk Perak dengan 953,212.43 hektar, diikuti Kedah (809,142.22 hektar) serta Johor (561,802.6 hektar).

Berdasarkan pecahan data sama, Pahang memiliki Tanah Rizab Melayu seluas 444,074.9 hektar, diikuti Negeri Sembilan (224,483.22 hektar), Selangor (164,743.96 hektar) dan Perlis (33,554.48 hektar).

Kuala Lumpur pula merekodkan keluasan yang jauh lebih kecil iaitu sekitar 1,004 hektar.

Sementara itu, di Terengganu, keluasan Tanah Rizab Melayu dilaporkan sekitar 2,378.89 hektar, manakala jumlah keseluruhan tanah pegangan Melayu di negeri berkenaan mencecah 401,129 hektar.

Bagaimanapun, statistik tersebut tidak merangkumi Pulau Pinang dan Melaka kerana kedua-dua negeri itu tidak mempunyai



Enakmen Rizab Melayu.

Pendedahan tersebut dibuat melalui jawapan bertulis NRES di Parlimen susulan pertanyaan Ahli Parlimen Kuala Terengganu YB Datuk Ahmad Amzad Mohamed @ Hashim, berkaitan perincian keluasan Tanah Rizab Melayu mengikut negeri serta trend perubahan dalam tempoh lima tahun terakhir, pada 29 Januari.

NRES turut memaklumkan bahawa keluasan keseluruhan Tanah Rizab Melayu di Semenanjung Malaysia menunjukkan pertambahan bersih sebanyak 135,063.46 hektar sejak tahun 2020, menjadikan jumlah semasa dianggarkan sekitar 4.95 juta hektar, berbanding 4.82 juta hektar sebelum ini.

Namun begitu, statistik berkenaan tidak melibatkan Pulau Pinang dan Melaka berikutan ketiadaan Enakmen Rizab Melayu di kedua-dua negeri tersebut.

Dalam konteks pemeliharaan, kementerian itu menjelaskan baha-



wa pengurusan Tanah Rizab Melayu dilaksanakan berlandaskan beberapa peruntukan undang-undang utama termasuk Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan, Enakmen Rizab Melayu negeri serta Kanun Tanah Negara 1965.

Sementara dalam konteks tadbir urus portfolio tanah negeri yang dipengerusikan Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud, beliau memaklumkan bahawa hampir keseluruhan perancangan dan pelaksanaan pembangunan di Kelantan dijalankan di atas tanah Rizab Melayu.

"Keluasan TRM di Kelantan kini mencecah 1,361,114 hektar bersamaan 91.1 peratus daripada keseluruhan negeri. Hampir semua perancangan pembangunan negeri dilaksanakan di atas Tanah Rizab Melayu" katanya ketika dihubungi, hari ini.

Kenyataan yang sama se-



alan Sidang Dewan Negeri Kelantan Kali Kedua Penggal Ketiga pada Julai 2025.

Menurutnya, kerajaan negeri melaksanakan beberapa pendekatan strategik bagi memelihara status TRM di negeri tersebut.

"Pendekatan pertama, kita membuka peluang pelaburan melalui projek berimpak tinggi. Kedua, memastikan apa jua pembangunan tidak menjejaskan atau mengurangkan keluasan Tanah Rizab Melayu," ujarnya.

Beliau turut menegaskan bahawa kerajaan negeri menetapkan kawalan ketat terhadap sebarang aktiviti pembangunan melibatkan Tanah Rizab Melayu bagi mengelakkan sebarang implikasi jangka panjang terhadap pemilikan tanah tersebut.

"Sebarang pembangunan di atas tanah Rizab Melayu hanya boleh dijalankan projek selepas mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa negeri," jelasnya.



KFLB program tahunan terbaik untuk lepasan SPM

Oleh: Syamimi Manah

BACHOK, 1 Februari – Sambutan luar biasa terhadap Kelantan Future Leaders Bootcamp (KFLB) 2026 menyaksikan 343 lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mengemukakan permohonan, namun hanya 150 daripadanya dipilih untuk mengikuti program pembentukan kepimpinan yang berlangsung di Sudara Beach Resort, Bachok.

Program anjuran Kelantan Future Leaders Institute (KFLI) selama tiga hari bermula 29 hingga 31 Januari itu memberi tumpuan kepada pembangunan kepimpinan, pengukuhan nilai agama serta pembentukan jati diri pelajar dalam fasa peralihan sebelum melangkah ke alam pengajian tinggi.

Pengarah Program Ahmad Syuwari Mohamad berkata, penganjuran KFLB yang dilaksanakan kira-kira sebulan selepas tamat SPM, bertujuan mengisi masa lapang lepasan sekolah dengan pengisian bermanfaat dan tersusun.

“Pelajar lepasan SPM ini masih mempunyai tempoh masa yang panjang sebelum melanjutkan pengajian ke universiti. Ruang masa ini perlu diisi dengan pengisian kepimpinan dan pengukuhan agama supaya mereka tidak terbiar tanpa hala tuju,” katanya ketika berucap pada majlis berkenaan.

Menurutnya, sambutan terhadap program itu amat menggalakkan apabila pihak urusetia menerima hampir 100 permohonan pada hari pertama pendaftaran dibuka, dengan jumlah keseluruhan mencecah 343 permohonan dari seluruh Kelantan.

“Daripada jumlah tersebut, han-



ya 150 peserta dipilih berdasarkan merit dan latar belakang kepimpinan. Pemilihan dibuat melalui penilaian penglibatan sebagai ketua pengawas, penyertaan dalam program peringkat negeri dan kebangsaan serta pengalaman kepimpinan lain yang dinyatakan dalam borang permohonan,” jelasnya.

Ahmad Syuwari turut menegaskan bahawa KFLB bukan bertujuan melahirkan pemimpin secara segera atau individu yang sekadar popular dan petah berkata-kata.

“KFLB bukan untuk mencetak pemimpin dalam tempoh tiga hari. Program ini merupakan medan pembentukan pemimpin yang berpegang kepada nilai alqawiyyul amiin, iaitu kompeten dan berintegriti,” katanya.

Tambahnya, KFLB bukan program bersifat ‘one-off’, sebaliknya merupakan sebahagian daripada ekosistem pembangunan kepimpinan belia Kelantan yang dirancang secara berperingkat dan berterusan.

Sementara itu, Exco Belia, Su-

kan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad berkata, penyertaan dalam KFLB merupakan langkah awal yang penting bagi peserta sebelum melangkah ke fasa kehidupan seterusnya.

“Anda semua berada pada fasa kritikal pembentukan diri. Apabila berada di institusi pengajian tinggi nanti, anda akan berdepan kebebasan berfikir, ujian integriti serta cabaran dalam membentuk prinsip hidup,” jelasnya.

Beliau juga menegaskan bahawa penganjuran KFLB mencerminkan komitmen dan pelaburan jangka panjang Kerajaan Negeri Kelantan terhadap pembangunan modal insan.

“Program ini kita letakkan sebagai pelaburan masa depan Kelantan kerana anak-anak inilah yang bakal mencorakkan hala tuju negeri pada masa akan datang,” katanya.

YB Zamakhshari turut memaklumkan bahawa latar belakang peserta menunjukkan keseimbangan

“KFLB bukan untuk mencetak pemimpin dalam tempoh tiga hari. Program ini merupakan medan pembentukan pemimpin yang berpegang kepada nilai alqawiyyul amiin, iaitu kompeten dan berintegriti,”

yang baik, terdiri daripada 40 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), 31 pelajar Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), 29 pelajar Sekolah Berasrama Penuh, 22 pelajar sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK), 18 pelajar SMK (Agama), tiga pelajar sekolah swasta dan dua pelajar Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

Sepanjang program, peserta mengikuti pelbagai pengisian berteraskan kepimpinan dan hala tuju kerjaya menerusi slot Future Talk bersama panel berpengalaman, selain Aspiration Talk yang memfokuskan kepada pengukuhan kerohanian dan pembentukan jati diri.

Program turut diserikan dengan slot riadah bagi memastikan keseimbangan fizikal dan mental peserta, selain Kel Talks yang menampilkan perkongsian oleh Pendakwah Selebriti Ustazah Asmak Hussin, Tokoh Belia Negara 2015 Suhail Mohamed Kamarudin serta Pengurus Pusat Perubatan Senaman, Nabil Zulkifli.



Program Iqamatu as-Solat bentuk generasi kekal dirikan solat – Dato' Mohd Amar

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 29 Januari - Program Iqamatu as-Solat yang dianjurkan Kerajaan Negeri Kelantan bertujuan membina satu generasi yang kekal mendirikan solat dan menjadikan ibadah itu sebagai sifat yang melekat dalam diri, kata Speaker Dewan Negeri Kelantan YB Dato' Sri Amar D'Raja Dato' Dr Mohd Amar Abdullah.

Katanya, solat tidak seharusnya dilaksanakan hanya ketika rajin atau dalam keadaan lapang, sebaliknya perlu didirikan dalam apa jua keadaan.

“Bukan melaksanakan sembahyang ketika rajin dan tidak sibuk sahaja, tetapi sentiasa melaksanakan ibadah sembahyang walau dalam apa keadaan sekalipun.”

Beliau berkata demikian ketika berucap mewakili Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin pada Majlis Perasmian Program Iqamatu as-Solat Peringkat Negeri Kelantan di Dewan Besar Yayasan Islam Kelantan (YIK), Tunjong, di sini, hari ini.

Dato' Dr. Mohd Amar berkata, amalan solat perlu dijadikan sebagai darah daging dan nadi da-



lam kehidupan sehingga seseorang terdorong untuk mendirikan solat secara automatik apabila masuk waktu.

“Orang alim dalam keadaan sakit dan tidak sedar diri sekali pun, apabila masuk waktu sembahyang, tubuhnya tetap bergerak sama ada melalui mata, jari atau anggota badan lain.

“Maknanya, tubuh mereka sudah terikat dengan sembahyang secara automatik,” katanya.

Beliau turut mengaitkan amalan solat dengan jam biologi tubuh manusia yang terbentuk melalui latihan berterusan.

“Apabila seseorang membiasakan diri tidur jam 10 malam dan bangun jam 5 pagi, tubuh akan bertindak secara automatik. Begitu juga dengan solat, ia perlu dilatih sehingga menjadi kebiasaan,” ka-

tanya.

Sehubungan itu, beliau menegaskan peranan ketua keluarga amat penting dalam membina amalan solat dalam institusi keluarga bermula sejak usia kecil.

“Apabila masuk waktu sembahyang, ajak anak-anak solat berjemaah atau sekurang-kurangnya menyuruh mereka menunaikan solat. Latihan ini bermula dari rumah dan sejak kecil lagi,” katanya.

Beliau turut menyentuh sikap sebahagian ibu bapa yang lebih menitikberatkan pendidikan akademik berbanding pendidikan agama.

“Orang zaman sekarang marah jika anak tidak pergi kelas tuisyen, tetapi tidak marah jika anak tidak sembahyang. Ada ibu bapa sanggup berhabis duit untuk tuisyen, tetapi tidak sanggup berhabis untuk

pendidikan agama,” tegasnya.

Dato' Mohd Amar menyeru semua pihak supaya bekerjasama membantu kerajaan bagi membina generasi yang menjaga solat.

“Sebarang dasar dan perancangan kerajaan tidak akan berjaya tanpa sokongan dan penglibatan rakyat di peringkat akar umbi,” katanya.

Hadir sama, Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud, Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat, Ketua Pengelola Halaqat Negeri Kelantan Dr Mohd Alwi Yusof serta Timbalan Mufti Negeri Kelantan YB Dato' Bijasura Dato' Nik Abdul Kadir Nik Mohamad.

Kelantan sokong Kolej Komuniti perluas akses latihan untuk rakyat Kelantan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 5 Februari – Kerajaan Negeri Kelantan menyokong usaha memperluas akses latihan dan pendidikan teknikal kepada rakyat negeri ini melalui penglibatan aktif institusi Kolej Komuniti, selaras dengan keperluan pembangunan modal insan berkemahiran.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata

perkara itu dibincang semasa kunjungan hormat Timbalan Ketua Pengarah (Governor) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) Ts. Abdul Razak Sabtu yang hadir bersama Pengarah Kolej Komuniti dari Pasir Mas (Cawangan Rantau Panjang), Jeli, Kok Lanis, Jeli (Cawangan Tanah Merah) serta Besut.

Menurutnya, perbincangan tersebut menumpukan kepada usaha memperkukuh kerjasama strategik



bagi membuka lebih banyak peluang latihan dan pendidikan teknikal kepada rakyat Kelantan, khususnya dalam melahirkan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran relevan dengan keperluan semasa industri.

“Saya dimaklumkan bahawa Kolej Komuniti terbuka kepada anak-anak Kelantan untuk menyambung pengajian dalam pelbagai bidang kemahiran seperti perniagaan, fesyen, pastri, automotif dan banyak lagi,” katanya menerusi kenyataan

di laman rasmi beliau pada Isnin.

Tambahnya, institusi Kolej Komuniti turut menawarkan program Pembelajaran Sepanjang Hayat yang terbuka kepada orang awam, sekali gus memberi peluang kepada masyarakat daripada pelbagai peringkat umur untuk meningkatkan kemahiran, menambah pengetahuan dan memperluas peluang pekerjaan.

Tambahnya, Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa mengalu-alukan kerjasama dengan institusi pendidikan dan latihan kemahiran yang memberi manfaat langsung kepada rakyat serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan sosial negeri.

Turut hadir, Timbalan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Kamaruzaman Mohamad.



Tanah Rizab Melayu: Kelantan paling luas - NRES

Manusia perlu hidayah untuk kehidupan selamat sejahtera – MB Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 5 Februari - Manusia amat memerlukan hidayah daripada Allah SWT bagi menjalani kehidupan yang selamat dan sejahtera, kata Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud.

Menurutnya, tanpa petunjuk Ilahi, manusia tidak mampu menjalani kehidupan dengan cara yang benar sebagaimana dikehendaki oleh Allah Azza Wajalla.

Jelasnya, al-Quran merupakan kitab hidayah yang diturunkan oleh Allah SWT sebagai panduan untuk membimbing manusia keluar daripada kegelapan kepada cahaya Islam.

"Petunjuk ke jalan yang lurus, yang juga dikenali sebagai hidayah ad-din, adalah hidayah terbesar yang diperlukan oleh seluruh manusia. Inilah hidayah yang kita mohon setiap hari dalam setiap rakaat solat."



Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran Peringkat Negeri Kelantan 1447H/2026M di Dewan Utama Tengku Kaya Pahlawan, Kompleks Islam Jubli Perak Panji, pada Selasa.

Tambah Menteri Besar, dengan hidayah ad-din, manusia mampu membezakan antara yang hak dan batil, serta yang baik dan buruk, manakala tanpa hidayah, manusia akan terus terumbang-ambing walaupun memiliki ilmu, teknologi

dan kemajuan material.

"Justeru, kembali kepada penyelesaian Islam yang bersumberkan wahyu al-Quran dan sunnah Nabawiyah adalah solusi terbaik dalam menangani pelbagai kemusykilan serta keruntuhan moral yang semakin membarah dalam masyarakat," tegasnya.

Beliau turut menegaskan bahawa kefahaman yang sahih terhadap al-Quran dan al-Sunnah mampu membentuk keperibadian, akhlak dan sahsiah yang mulia dalam kal-

angan umat Islam.

Katanya, prinsip itu menjadi asas kepada dasar Membangun Bersama Islam yang dilaksanakan di Kelantan, yang lahir daripada kefahaman Islam yang mendalam dan diterjemahkan melalui dasar, polisi serta gerak kerja pentadbiran kerajaan negeri.

"Semua usaha ini digerakkan bagi menterjemahkan tuntutan al-Quran dalam konteks pentadbiran berkerajaan," katanya.

Beliau turut menyingkap sejarah para sahabat Rasulullah SAW yang dibina melalui pengukuhan akidah, kefahaman Islam dan penghayatan al-Quran yang wajar dijadikan iktibar, sehingga mereka menjadi ibarat 'mushaf yang berjalan' dalam masyarakat.

Schubungan itu, beliau mengingatkan bahawa tanggungjawab menghidupkan al-Quran bukan hanya di pentas tilawah, sebaliknya bermula dari rumah, sekolah, masjid dan merangkumi setiap lapangan kehidupan.

Kelantan-Algeria perkukuh hubungan strategik dalam bidang pendidikan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 5 Februari - Delegasi Kerajaan Negeri Kelantan yang diketuai Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat mengadakan kunjungan hormat ke Kedutaan Besar Malaysia di Algeria bagi memperkukuh hubungan strategik dalam aspek pendidikan, kebajikan pelajar serta penerokaan peluang kerjasama dengan institusi pengajian tinggi dan sektor berkaitan di Algeria.

Delegasi Kerajaan Negeri Kelantan disambut mesra oleh Duta Besar Malaysia ke Algeria TYT Dato' Rizany Irwan Muhammad Mazlan.

Menurut Dato' Wan Roslan,



kunjungan tersebut turut menjadi platform perbincangan berkaitan sokongan diplomatik, penyelarasan hal ehwal akademik serta pembangunan sumber manusia," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kedutaan Besar Malaysia di Algeria atas komitmen dan ker-

jasama erat dalam menyokong agenda pendidikan serta kebajikan pelajar Kelantan dan Malaysia yang menuntut di luar negara.

"Semoga kunjungan hormat ini menjadi titik permulaan kepada kerjasama yang lebih tersusun, berterusan dan memberi manfaat besar kepada penerokaan ilmu serta pembangunan pendidikan demi

kesejahteraan ummah," katanya.

Turut serta dalam kunjungan tersebut ialah Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Saripuddin Tuan Ismail, Pengarah Yayasan Islam Kelantan (YIK) Shamsul Abu Bakar serta Pengarah Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) Nik Jesim Tan Sri Nik Hashim.

